

Konflik Dan Menangani Konflik Identiti Seksual Dalam Kalangan Gay Di Malaysia

Carmella E. Ading

¹ *Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, UMS, Kota Kinabalu, Malaysia*

*Corresponding author's e-mail:
carmella@ums.edu.my

Received date: 20 November 2024 / Accepted date: 26 December 2024

Abstract Masyarakat di Malaysia secara umumnya tidak menerima golongan gay. Ini adalah kerana larangan agama mahupun budaya yang dipegang oleh masyarakat heteronormatif. Malah isu ini boleh menjadi satu isu yang panas sehingga mampu mencederakan perasaan individu yang baru sahaja menyedari dirinya lebih tertarik dengan individu sama jantina. Identiti seksual gay tidak berlaku sekelip masa. Individu ini akan melalui satu proses perkembangan awal identiti seksual sehingga ke peringkat mereka mengesahkan identiti seksual mereka. Sepanjang proses perkembangan identiti seksual, individu ini akan mengalami konflik dalam diri mereka kerana mereka tahu orientasi seksual sama jantina adalah salah dari perspektif agama mahupun masyarakat heteronormatif. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka konflik yang dialami dan bagaimana individu gay di Malaysia menangani konflik identiti seksual mereka. Temubual secara mendalam dengan menggunakan soalan separa berstruktur ke atas 6 orang subjek kajian yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Pendekatan teori *Grounded* digunakan untuk menganalisis data. Melalui analisis data ini, konflik yang dialami oleh subjek kajian adalah agama, budaya, keluarga dan Masyarakat. Untuk menangani konflik tema yang dapat dikesan adalah mengabaikan sahaja, berfikiran positif dan lali (*immune*) dengan situasi negatif.

Kata kunci: *Konflik, menangani konflik, gay, identiti seksual, Malaysia.*

Pengenalan

Identiti seksual gay adalah salah satu isu yang melibatkan nilai moral dan sering menjadi isu yang panas dibicarakan dalam media sosial dan masyarakat. Malah sebilangan kumpulan yang menentang kepada orientasi seksual gay sering memberikan komen negatif yang bersifat menghukum golongan ini. Respons negatif masyarakat heteronormatif ke atas isu orientasi seksual gay sudah pastinya akan mencederakan kesejahteraan psikologi individu gay terutamanya individu yang baru sahaja menyedari bahawa dirinya tertarik secara seksual dengan sama jantina. Identiti seksual gay tidak berlaku sekelip mata, tetapi individu ini melalui proses perkembangan identiti seksual. Proses perkembangan identiti seksual ini bermula apabila individu mendapati dirinya tertarik secara seksual dengan sama jantina dan berakhir dengan mengesahkan identiti seksualnya (Ading, 2019). Proses perkembangan identiti seksual ini boleh berlaku bertahun lamanya dan sepanjang membina identiti seksual individu sudah tentunya berlaku konflik dalaman yang menyumbang kepada kesejahteraan psikologi individu. Rosario et al. (2006) juga menekankan bahawa proses perkembangan identiti seksual gay, lesbian, atau biseksual adalah suatu proses yang kompleks dan sukar.

Setiap individu akan mengalami proses perkembangan kognisi, fizikal dan biologi. Salah satu proses pengalaman yang penting adalah apabila individu menyedari minat seksual mereka adalah berlainan jantina ataupun sama jantina.

Pengalaman ini boleh menjadi sangat mencabar khusus sekali apabila berkaitan dengan identiti seksual lesbian, gay dan biseksual (LGB). Menurut Page et al. (2013) identiti LGB negatif akan menyumbang kepada tekanan mental kerana persepsi masyarakat dan pandangan agama ke atas LGB. Oleh itu, Page et al. (2013) menegaskan untuk mengelakkan kejadian yang boleh menyumbang kepada maladaptif golongan LGB khususnya pemuda Gay dapat dibantu dalam mengekalkan identiti LGB yang positif walaupun terdapat mesej homonegatif dari orang lain. Dapatan kajian ini dapat menggambarkan golongan remaja dan awal dewasa mengalami tekanan dari segi agama dan persepsi masyarakat dan boleh menyumbang kepada kesihatan mental dalam kalangan LGB. Keperluan intervensi untuk mengurangkan kemudaratan penting. Ini adalah kerana tekanan akan menyumbang kemurungan atau tingkah laku berisiko. Oleh itu, pekerjaan yang melibatkan kesihatan mental seperti kaunselor dan pekerja sosial di sekolah, organisasi atau persatuan perlu peka dengan isu yang melibatkan golongan gay agar dapat membantu mereka untuk menangani isu yang dialami dengan cara yang sesuai.

Kajian lepas

Hall (2018), menjalankan kajian berkenaan risiko psikososial dan faktor perlindungan untuk kemurungan di kalangan pemuda Lesbian, Gay, Biseksual, dan Queer (LGBQ). Hall (2018) mendapati faktor risiko yang menyumbang pada kemurungan adalah penindasan ke atas LGBQ, stres kerana harus

merahsiakan identiti, penindasan yang membawa kepada kemudaratan, sikap ibu bapa yang tidak menerima, penyalahgunaan dan kejadian traumatik, interaksi negatif dan sebagainya. Untuk meneruskan kelangsungan hidup golongan LGBQ ini mengamalkan identiti positif, harga diri, mendapatkan sokongan sosial daripada rakan dan keluarga. Selain itu Hall (2018) menambah golongan LGBQ mungkin menghadapi pelbagai ancaman kesihatan mental mereka yang berasal dari pelbagai tahap sosioekologi.

Kajian yang memberi fokus kepada golongan remaja dan awal dewasa telah mendapati golongan LGB cenderung mengalami kemurungan kerana pengalaman negatif yang mereka alami sehingga mampu menyumbang kemudaratan seperti membunuh diri. Oleh yang demikian pekerja kesihatan mental, kaunselor, guru, pekerja sosial perlu membantu golongan remaja dan awal dewasa untuk menangani konflik yang dialami golongan LGB. Dalam kajian ini, pengkaji berminat untuk meneroka bentuk konflik yang dialami dan bagaimana strategi dayatindak yang digunakan oleh golongan gay untuk meneruskan kehidupan sepanjang menjalani proses perkembangan identiti seksual gay.

METODE

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Data kajian dianalisis menggunakan teori *grounded*. Pengkaji mengumpulkan semua data yang diperolehi dari temuramah mendalam ke atas responden kajian. Peserta kajian ditemuramah secara mendalam menggunakan soalan separa berstruktur. Setelah ditemuramah data ditranskripkan dan dianalisis mengikut sub tema dan dikelompokkan kepada tema besar.

Instrumen Kajian

Terdapat dua bahagian dalam temuramah yang dijalankan. Bahagian satu adalah berkenaan maklumat diri responden dan bahagian dua lebih memberi fokus tentang proses perkembangan identiti seksual gay. Pengkaji menggunakan soalan yang dibina oleh Degges-Whites dan Myer (2005) berasaskan model Cass (1979) sebagai panduan dalam membina soalan pengkaji. Kajian perintis dilakukan untuk merumus soalan dan khidmat dua interator digunakan untuk tujuan reliabiliti dan validiti. Temu bual juga direkod secara audio untuk transkrip data.

Analisis Data

Enam peserta kajian telah ditemuramah. Pemilihan sampel kajian adalah mengikut kriteria yang telah ditetapkan iaitu lelaki, telah mengesahkan identiti seksualnya adalah gay. Teknik bola salji (salji) digunakan untuk mendapatkan peserta kajian. Memandangkan tidak ada data maklumat baru, ketepuan data telah dicapai.

Keputusan kajian

Seramai 6 orang lelaki yang mengesahkan dirinya adalah gay telah ditemuramah secara mendalam. Jadual menunjukkan dapatan data demografi responden berkaitan dengan umur, bangsa, agama dan jenis pekerjaan peserta kajian. Maklumat demografi responden dirumuskan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Maklumat Demografi Responden (N=6)

Ciri-Ciri Demografi		Kekerapan (n = 6)
Umur	42 – 44 tahun	3
	31 – 33 tahun	2
	21 tahun	1
Jumlah		6
Bangsa	Melayu	1
	Cina	1
	Bumiputra Sabah	4
Jumlah		6
Agama	Islam	1
	Kristian	4
	Buddha	1
Jumlah		6
Pekerjaan	Profesional	3
	Teknikal	1
	Sokongan	1
	Pelajar	1
Jumlah		6

Konflik Dan Cara Menangani Konflik

Dalam rajah 1 analisis teori *grounded* menunjukkan terdapat 4 tema konflik yang dialami oleh golongan gay bermula dari peringkat awal mendapati diri mereka tertarik dengan sama jantina sehinggalah mereka mengesahkan diri mereka sebagai gay dan 3 cara menangani konflik yang dialami. Pengkaji menggunakan nama samaran untuk memudahkan penyampaian laporan dapatan kajian

Rajah 1

Konflik dan Cara Menangani Konflik

Konflik	Cara menangani
<ul style="list-style-type: none"> • Agama • Budaya • Keluarga • Masyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengabaikan • Pemikiran Positif • Lali

(i) Agama

Terdapat 3 peserta kajian menyedari agama melarang hubungan sejenis melalui pembelajaran agama dan salah seorang daripada peserta kajian aktif dalam aktiviti gereja. Salah seorang daripada peserta kajian menegaskan walaupun agama melarang tetapi tarikan sama jantina yang dialaminya bukanlah dipelajari tetapi datang daripada naluri. Berikut merupakan transkrip salah seorang peserta tentang konflik

Jim: “*memang mana-mana ajaran ugama mengajar yang bagus kan...tapi kalau ko*

bilang perasaan ni...saya rasa saya cuma stress pasal, kita tidak buat-buat ini perasaan kan.. ini perasaan sudah dalam diri kita...bukan buat-buat suka sama lelaki kan..."(B294)

Larangan agama telah memberi satu konflik kerana perasaan tertarik dengan sama jantina berlaku secara naluri. Ini memberi Jim tekanan untuk berhadapan dengan konflik.

(ii) Budaya

Masyarakat heteroseksual mempunyai persepsi bahawa setiap lelaki lembut adalah lelaki gay. Pada awal perkembangan tumbesaran peserta kajian walaupun mempunyai perwatakan lembut namun minat kepada sama jantina belum lagi disedari. Ini memberi konflik kepada peserta kajian. Glen salah seorang peserta kajian menyatakan

Glen: *During that time, I was much softer,... jalan pun macam pondan sudah that time. Oh...ok... that's why lah girls pun rejected me kan. Sebab terlampau lembut and gemuk lagi that time kan."* (B51)

Persepsi dan stigma masyarakat ke atas golongan lelaki lembut, dimana gelaran pondan dan suka pada sama jantina boleh menyumbang kepada kognitif peserta yang baru sahaja mengalami transisi awal perkembangan remaja. Sungguhpun tujuan mengusik dengan menggunakan label pondan dan suka lelaki sebagai guruan untuk memalukan remaja lembut agar mengelakkan diri daripada hubungan gay tetapi pada masa yang sama guruan ini juga akan membawa kesan yang tidak akan dijangka.

Peserta kajian, Kent, menyatakan masyarakat khususnya golongan tua tidak dapat menerima individu gay. Malah untuk berbual tentang identiti seksual juga adalah sesuatu yang sangat dilarang kerana boleh membawa kepada sampahan atau hukuman seperti prejudis dan diskriminasi.

Kent: *"...older generation, nobody talks about being gay, nobody mention it's taboo, it's curse and it's a disease. Those days, they know you are gay, immediately macam kena hukum mati begitu. Ah... so that's has become it's wrong to be gay. And it's difficult for them to accept because they've been thought since young that being gay is wrong."* (B547)

Kent menyatakan budaya yang dipegang oleh golongan tua menyumbang kepada konflik dalam dirinya sepanjang proses perkembangan identiti seksual gaynya.

(iii) Keluarga

Reaksi daripada ahli dalam keluarga keatas identiti seksual gay juga memberi konflik dalam diri peserta kajian terutamanya kepada Dino dan Kent. Dino telah memberitahu ibunya berkenaan identiti seksual gaynya dan ibunya tidak menerima orientasi seksual Dino.

Dino: *"...My mom, she is very strict with muslim teaching, ah.. she was, I heard lah, she was angry with my lifestyle. Just tolerate lah, not acceptance but tolerate" (B329)*

Dino memberitahu bahawa ibunya tidak merestui identiti seksualnya, tetapi hanya mahu bertoleransi sahaja. Bagi peserta kajian, Kent pula, walaupun tidak memberitahu ibunya tentang identiti seksual gaynya, Kent berpendapat ibunya tahu tentang orientasi seksualnya.

Kent: *"my mom is, ah.. I think she knows, ... She ridiculously homophobic that I cannot understand. I do not know how to tell her. That's no way to tell her."* (B344)

Kent tahu ibunya seorang homophobia sehingga menyumbang kepada konflik dalam diri Kent dan ini menyebabkan Kent tidak memberitahu ibunya tentang identiti gaynya.

(iv) Masyarakat

Penerimaan masyarakat berkenaan identiti seksual gay juga menyumbang kepada konflik dalam diri peserta kajian. Peserta kajian, Patrick, menyatakan sikap negatif kawannya ke atas individu gay menyebabkannya kecewa dan tetap akan merahsiakan identiti seksual gaynya seperti pernyataan berikut.

Patrick: *"...kenapa kita ada puak-puak begini. Kenapa dorang tidak boleh terima kami"* (B710)

Peserta kajian, Glen, lebih bersikap terbuka tentang identiti seksualnya. Glen telah berterus terang dengan kawan tentang orientasi seksualnya. Tindakan Glen menyebabkannya hilang separuh bilangan kawan yang sedia ada.

Glen: *"I remember we play a game, ... I want to know whether they accept me kah tidak. So who accept me, for the way I am okay stand on the stage, who don't accept me stand di bawah. ...yang I remember it was half-half"* (B494)

Peserta kajian, Kent, menyatakan dia mengalami konflik diawal proses identiti seksualnya kerana masyarakat sekeliling mempunyai persepsi gay itu tidak normal, ganjil dan melanggar ajaran agama.

Kent: *.... any community just 45 and above or 50 and above masih tidak boleh terima. .. religion also play a big part in the community and definitely, .. they would definitely say being gay is abnormal, weird, it's different. So we were not terima. They will never terima.."* (B539)

Berdasarkan penyataan Patrick, Glen dan Kent, dapat dilihat norma masyarakat yang membudayakan heteronormatif akan bersikap prejudis keatas individu gay dan menyumbang konflik kepada peserta kajian.

Cara Menangani Konflik

Sepanjang proses perkembangan identiti seksual gay peserta kajian, konflik dalam diri mereka akan berlaku tanpa mengira pada tahap apa proses perkembangan identiti seksual mereka. Mereka juga melakukan beberapa cara untuk menangani konflik tersebut iaitu (i) mengabaikan, (ii) berfikiran positif dan (iii) lali (*immune*).

(i) Mengabaikan

Peserta kajian sedar bahawa konflik yang mereka alami perlu ditangani agar dapat meneruskan kehidupan. Salah satu cara mereka adalah dengan mengabaikan konflik itu dengan cara tidak terlalu memikirkan.

Jim: *"Tiada juga saya buat apa-apa. Saya just biarkan begitu sajalah..."* (B332)

Eddie: *"...saya rasa, saya I have my right pilih sexuality saya... saya tidak mau peduli"* (B243)

Dino: “Mmm.. to move on. **I have this simple theory lah. why god created religion? And religion, man made religion it self.I don't need people to tell me, what is right, what is wrong.** (B469)

(ii) *Berfikiran positif*

Peserta kajian mengamalkan cara berfikir yang positif untuk mengurangkan beban tekanan yang dialami seperti verbatim berikut.

Patrick: “*Saya punya kehidupan sudah tertulis, apa yang couple saya cakap dia mau pergi sembahyang every week, to confess your sins... Even dalam bible pun cakap bah. at least ko punya sins kena forgive sikit-sikit begitu*” (B697)

Glen: “*...At least I still have God with me, ... I just think that God is forgiving and God loves everybody. So, I like to think that way sajalah, that God loves me eventhough I'm gay*”. (B816)

Peserta kajian juga mengambil langkah berfikiran positif apabila berhadapan dengan penentangan daripada masyarakat. Verbatim berikut menunjukkan cara peserta kajian berfikiran positif.

Jim: “*Saya akan pilih orang yang boleh terima saya, saya bergaul...*” (B761)

Eddie: “*ko geli up to youlah ini first and the lastlah kita jumpa begitu.kan... habis bukan ko satu orang saja manusia dalam dunia ini yang saya boleh kawan.*” (B627)

Patrick: “*kalo ko tidak terima saya sebagai gay, saya ada kawan lagi bah, saya ada circle of friend yang boleh accept me as I am a gay.*” (B739)

Glen: “*I more prone to hang out with the people yang lebih accept lebih banyak saya boleh ceritakan.* (B500)

Kent: “*I'm just say I'm gay and you don't like me, you can go somewhere else. I don't need people who judge me, people will say bad things about me are not important.*” (B438)

Penyataan yang dikongsikan menunjukkan peserta kajian menangani konflik penolakan masyarakat, dengan menerima penolakan dan berkawan dengan individu yang boleh menerima mereka. Dengan demikian penerimaan dalaman diri mereka meningkat dan konflik dapat dikurangkan.

(iii) *Lali*

Lali adalah bermaksud peserta kajian sudah biasa dengan tingkahlaku negatif yang ditunjukkan oleh masyarakat sekelilingnya. Jim seorang yang berperwatakan lembut selalu menjadi bahan usikan dan digelar pondan sejak kecil. Pengalaman yang berulang ini menjadikan Jim lali dan tidak lagi merasa terkilan seperti verbatim dibawah.

Jim: “*Dulu macam...sayakan macam pondan-pondan juga jadi saya okay...saja*” (B746)

Penyataan Jim dapat dilihat boleh menerima gurauan pedas yang diberikan oleh individu disekelilingnya. Disini kita dapat simpulkan bahawa budaya masyarakat heteroseksual yang cenderung mengusik golongan lelaki lembut sedikit sebanyak membantu Jim untuk menerima dirinya sebagai lelaki lembut gay.

Perbincangan

Pengkaji mendapati individu gay mengalami konflik dalam diri mereka bermula dari awal proses perkembangan identiti seksual dan berusaha menangani konflik tersebut untuk meneruskan perjalanan hidup. Setiap peserta mempunyai persepsi yang berbeza dalam melihat konflik yang dilalui. Ini mungkin disebabkan oleh perbezaan umur semasa mula menyedari diri mereka tertarik dengan sama jantina dan pengalaman pertama mendapat tahu identiti seksual gay dalam media sosial seperti berita semasa, majalah dan internet.

Agama melarang keras hubungan sejenis dan ini menimbulkan konflik dalam diri peserta kajian kerana mereka menyedari wujudnya perasaan tertarik dengan sama jantina berlaku secara semulajadi. Peserta kajian keliru dan terkejut semasa mengetahui minat seksual mereka adalah sama jantina dan tidak pernah berfikir minat sama jantina boleh berlaku sedangkan agama melarang keras. Dengan kata lain, jika Tuhan melarang, mengapa golongan gay wujud. Peserta kajian tidak terus menerima orientasi seksual sama jantina setelah mendapat tahu orientasi seksual mereka tetapi mereka berusaha untuk mencari pasangan berdasarkan norma masyarakat. Namun usaha mereka untuk menjalin hubungan heteroseksual tidak berjaya kerana sadar mereka tidak tertarik secara seksual dengan wanita walaupun telah menjalin hubungan intim melalui perkahwinan. Ini menyebabkan mereka terperangkap di antara agama dan keinginan naluri. Hanya seorang peserta kajian sahaja yang tidak merasa konflik dengan larangan agama kerana peserta kajian tidak memegang mana-mana kepercayaan agama walaupun menyatakan dirinya mempunyai agama. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa agama salah satu faktor yang menyumbang pada konflik dalam diri peserta kajian. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Pargament, Koenig, & Perez (2000) yang juga menyatakan agama boleh menjadi satu konflik apabila berlaku percanggahan prinsip yang boleh menyebabkan kebimbangan kepada kehidupan individu. Dapatan kajian lepas juga telah melaporkan individu gay menyatakan konflik berlaku dalam diri mereka kerana agama dan ini boleh menyumbang kepada kesejahteraan psikologi (Pietkiewicz & Kolodziejczyk-Skrzypek, 2016).

Budaya adalah tema konflik kedua yang dikenalpasti dalam kajian ini. Norma masyarakat heteronormatif memegang nilai budaya dalam mengkategorikan perwatakan berdasarkan gender. Masyarakat heteronormatif mempunyai persepsi lelaki perlu berpenampilan gagah dan jika berpewartakan lembut, maka ia akan bertentangan dengan apa yang diperturunkan dalam masyarakat. Panggilan pondan akan diberikan kepada lelaki lembut dan sering menjadi usikan. Usikan ini akan menyebabkan kanak-kanak lelaki lembut akan menjadi keliru terutamanya bila disebut suka lelaki. Konflik ini boleh menyebabkan mereka menerima atau pasrah dengan label yang telah diberikan oleh masyarakat.

Tema keluarga juga telah dikenalpasti sebagai penyumbang kepada konflik dalam diri peserta kajian. Ini kerana keluarga merupakan salah satu tempat selamat untuk berlindung, mendapatkan sokongan moral dan sebagainya. Namun keluarga juga mempunyai nilai yang berpaksikan kepada norma masyarakat. Jika norma itu tidak mengikut apa yang digariskan maka keluarga akan menolak ahli yang bermasalah dalam keluarga. Apabila peserta kajian menyedari orientasi seksualnya adalah sama jantina, kerisauan akan berlaku kerana bertentangan dengan norma masyarakat dan agama. Untuk mengelakkan diri mereka dipinggirkan oleh keluarga ada yang sanggup berdiam diri. Dapatan kajian ini mendapati konflik semakin bertambah beban apabila keluarga tidak merestui orientasi seksual sama jantina.

Tema masyarakat juga telah dikenalpasti sebagai salah satu konflik dalam kajian ini. Masyarakat sekeliling yang secara

terbuka bersikap prejudis dengan identiti seksual gay akan menimbulkan konflik kepada majoriti peserta kajian. Penolakan daripada masyarakat menyebabkan mereka merahsiakan orientasi seksual gay kerana jika didedahkan ia mungkin akan menyebabkan mereka disisihkan oleh masyarakat sekeliling mahupun rakan.

Dalam kajian ini, sebanyak 3 strategi yang digunakan oleh peserta kajian untuk mengurangkan konflik diri sepanjang perkembangan identiti seksual mereka iaitu mengabaikan, berfikiran positif dan lali (*immune*). Dengan mengabaikan bentuk konflik yang dialami dan selalu berfikiran positif banyak membantu peserta kajian untuk mengurangkan beban tekanan mereka. Peserta kajian juga menyatakan mereka belajar untuk membiasakan diri dengan setiap bentuk usikan yang diterima daripada masyarakat dan ini menyebabkan mereka lali dan tidak terkesan dengan konflik tersebut.

Kesimpulan

Individu gay akan mengalami proses perkembangan identiti seksual sama seperti yang dialami oleh individu heteroseksual. Namun apa yang membezakan di antara golongan gay dan golongan heteroseksual adalah proses perkembangan individu gay lebih mencabar kerana mereka hidup dalam masyarakat heteronormatif. Oleh yang demikian untuk mengurangkan perasaan tidak selamat dalam masyarakat yang tidak mempunyai toleransi ke atas golongan gay, mereka akan belajar untuk menangani konflik dalam diri mereka dengan cara merahsiakan orientasi seksual mereka, meneroka orientasi seksual mereka dalam diam, dan sentiasa berfikiran positif.

Penyata Etika

Persetujuan termaklum telah dilakukan kepada peserta kajian berkenaan kajian dan penerbitan dapatan kajian.

Penghargaan

Penghargaan tidak terhingga kepada peserta kajian yang menyumbang data penyelidikan ini.

Rujukan

- Ading, C.E. (2019). Proses penerokaan identiti seksual gay dalam kalangan gay di Malaysia. (Tesis Phd tidak diterbitkan).
- Cass, V. C. (1979). Homosexual identity formation: A theoretical model. *Journal of Homosexuality*, 4(3), 219-235.
- Degges-White, S. E., & Myers, J. E. (2005). The adolescent lesbian identity formation model: Implications for counseling. *The Journal of Humanistic Counseling, Education and Development*, 44(2), 185-197.
- Hall, W. J. (2018). Psychosocial risk and protective factors for depression among lesbian, gay, bisexual, and queer youth: A systematic review. *Journal of homosexuality*, 65(3), 263- 316.
- Page, M. J., Lindahl, K. M., & Malik, N. M. (2013). The role of religion and stress in sexual identity and mental health among lesbian, gay, and bisexual youth. *Journal of Research on Adolescence*, 23(4), 665-677.
- Pargament, K. I., Koenig, H. G., & Perez, L. M. (2000). The many methods of religious coping: Development and initial validation of the RCOPE. *Journal of clinical psychology*, 56(4), 519-543.

- Pietkiewicz, I. J., & Kołodziejczyk-Skrzypek, M. (2016). Living in sin? How gay Catholics manage their conflicting sexual and religious identities. *Archives of sexual behavior*, 45(6), 1573-1585.
- Rosario, M., Schrimshaw, E.W., Hunter, J. & Braun, L. (2006). Sexual identity development among gay, lesbian and bisexual youths: consistency and change overtime. *Journal of sex research*, 43(1): 46-58. doi:10.1080/00224490609552298.